



2 orang tokoh pembangkang rayu kepada Sultan Johor

Berita Harian, 5 July 1968, Page 1

Article also available on Microfilm Reel NL5513

★ Add to Citation

◀ Previous Article

Next Article ▶

◀ Previous Page

Next Page ▶

2 orang tokoh pembangkang rayu kepada Sultan Johor

RAYUAN BAGI PEHAK ENAM YANG DI-HUKUM MATI
KUALA LUMPUR, Khamis.

DR. TAN CHEE KHOON, Setiausaha Agong Gerakan Ra'ayat Malaysia jam 8.30 pagi ini mengirim taligram kepada Sultan Johor memohon Baginda mengampunkan enam orang pemuda China yang akan di-hukum bunuh.

Sementara itu, Enche D. R. Seenivasagam, Presiden Parti Progresif Ra'ayat dan Setiausaha Agong-nya Enche Chan Yoon Onn mengirim kawat melalui Setiausaha Kerajaan Johor memohon baginda mengampunkan mereka.

Dr. Tan dan Enche Seenivasagam dalam kenyataan masing2 menegur Timbalan PM Tun Razak.

Enam orang itu di-hukum kerana bershubahat dengan gurila2 Indonesia yang mendarat dalam masa konfrantasi dulu

Dr. Tan berkata, sejak

Information ^



Newspaper:
Berita Harian

Date:
5 July 1968

Reel Number:
NL5513

Table of Contents ^

< Previous

Page 1 ▾

Next >

Nama Akhbar

BERITA HARIAN NASKHAH MALAYSIA No. 4306
JUMA AT, 5 JULAI, 1968 —9 RABT-UL-AKHIR, 1368

Malaysia tolak tuntutan jelaskan hak-nya di-Sabah

Malaysia tolak tuntutan jelaskan hak-nya di-Sabah AP OANGKOK. Khamis— Perwakilan Malaysia ka-

Tentera sempadan akan ditambah

Tentera sempadan akan ditambah Malaysia dan Thailand chapai persetujuan Oleh SA'AD HASHIM

[View Full Table of Contents >](#)

tiga tahun lalu itu ibu-bapa2 pemuda2 itu telah datang menemui-nya dan beliau sendiri menemui pemuda2 itu di-Penjara Pudu.

Beliau menyeru supaya rayuan-nya itu di-per-timbang dari segi2 perikemanusiaan sa-mata2.

'Lepas tangan'

Dr. Tan menyesalkan kenyataan Timbalan PM Tun Razak bahawa Kerajaan Pusat tidak berhak campurtangan kerana perkara ini tertaalok kepada kuasa Sultan Johor.

Beliau menanggapi Tun Razak "melepas tangan saja" dalam hal itu.

Kata-nya lagi, rayuan-nya kepada Tengku Abdul Rahman bukan untuk menchari pablisiti.

Dari Johor Baharu, wakil kita melaporkan: Telah di-sahkan hari ini bahawa 11 orang pemuda menunggu perintah hukuman bunoh Mahkamah Tinggi kerana mempunyai senjata2 api atau peluru dalam masa konfrantasi Indonesia dulu.

Dan sa-orang lagi, Teo Boon Chai atau Tay Ah Sin telah di-hukum penjara sa-umur hidup oleh Mahkamah Tinggi di-sini Isnin lalu sa-telah Privy Council m e m e r e n t a h ulangbichara.

Kesemua-nya 12 orang itu di-hukum mati kerana mempunyai senjata atau peluru dan bershubahat dengan Indonesia dalam masa konfrantasi.

Sa-belas orang pemuda yang menunggu hukuman itu ia-lah:

Ole Hee Koi; Ooi Wan Yiu atau Wong Kam Shin; Law Kiat Ling atau Loh Kiat Ling; Ng Seng Huat atau Ng Ching Kim.

Lee Ching Sai atau Lee Xoooh Kheng; Tan See Boon atau Tan Guan Fhim; Ho Ming Siang atau Ho Sang; Lee Hoo Boon atau Lee Cheng Hoe.

Lee Siang atau Lee Ah Kim atau Lee Bok Lin; Lee Fook Lim dan Lee Ah

Ban atau Lee Snea Hue.

DI-LONDON di-beritakan bahwa Tengku telah meminta laporan penuh mengenai enam orang yang di-timbulkan oleh Dr. Tan itu.

Tengku di-katakan akan menimbangkan laporan itu sa-belum champortangan.



LEE HOO BOON



NG SENG HUAT



LEE CHING SAI



LAW KIAT LANG

Related Articles



No related article found.

